

Tiada demonstrasi tuntutan perdana menteri letak jawatan sejak 1998, kata Zahid
Malaysian Insider
Oct 29, 2015
Oleh Mohd Farhan Darwis

Dalam tempoh hampir 20 tahun lalu, tidak ada sebarang tunjuk perasaan di negara ini bertujuan untuk menggulingkan seorang perdana menteri yang masih memegang jawatan, kata Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata demikian dalam satu jawapan bertulis Parlimen hari ini, walaupun perhimpunan #TangkapNajib dan Bersih 4 diadakan baru-baru ini, memberi tekanan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak untuk berundur susulan dakwaan skandal politik dan kewangan yang melibatkannya.

"Mengikut rekod polis, tiada demonstrasi yang diadakan dalam negara sejak 1998 yang menuntut secara khusus perdana menteri meletak jawatan," kata Zahid yang juga timbalan perdana menteri.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Ahli Parlimen Bachok Ahmad Marzuk Shaary yang meminta Kementerian Dalam Negeri menyatakan demonstrasi yang menuntut perdana menteri meletak jawatan sejak 1998.

Wakil rakyat PAS itu juga turut meminta kementerian menyatakan jumlah kehadiran peserta, cawangan polis yang terlibat, kos operasi dan lokasi berkumpul setiap demonstrasi.

Pada 1998, ketika kemuncak gerakan reformasi yang berlaku selepas bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad memecat timbalannya ketika itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ribuan rakyat Malaysia turun ke jalanan menuntut peletakan jawatan Dr Mahathir.

Beliau bersara pada Oktober 2003, digantikan Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Tahun ini, beberapa perhimpunan diadakan bagi mendesak Najib, yang mengambil alih pentadbiran daripada Abdullah, berundur kerana beberapa isu terutama dakwaan salah urus melibatkan firma pelaburan milik negara yang diilhamkan beliau, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) serta wang RM2.6 bilion yang didepositkan ke dalam akaun bank peribadinya.

Ia termasuk perhimpunan #TangkapNajib serta perhimpunan Bersih 4 yang diadakan selama 34 jam pada 29 dan 30 Ogos, menggesa reformasi terhadap institusi dan peletakan jawatan Najib. – 29 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tiada-demonstrasi-tuntut-perdana-menteri-letak-jawatan-sejak-1998>